

NO. SOALAN: 533

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

RUJUKAN : 9786

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pencurian kereta dan motosikal pada tahun 2015 sehingga 2017, apakah cara untuk mengatasinya daripada menjadi semakin serius.

JAWAPAN:

Pihak polis sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam usaha mencegah dan membanteras kegiatan jenayah curi kenderaan yang merupakan salah satu penyumbang utama jenayah indeks dalam negara. Kenderaan yang dicuri kebiasaannya dilakukan atas dua sebab utama sama ada untuk mendapatkan alat ganti atau untuk dijual di luar negara terutamanya yang melibatkan kenderaan mewah.

Terdapat juga kes di mana kenderaan dicuri untuk tujuan melakukan jenayah dan sebagai umpan untuk mendapatkan wang pemerasan.

Statistik jumlah motokar dan motosikal yang dilaporkan dicuri pada tahun 2015 sehingga Januari 2017 adalah seperti berikut:

KATEGORI JENAYAH	TAHUN 2015	TAHUN 2016	JANUARI 2017	JUMLAH
MOTOKAR	12,049	10,607	803	23,459
MOTOSIKAL	38,565	34,754	2,826	76,145
JUMLAH	50,614	45,361	3,629	99,604

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan beberapa langkah untuk membasmi kes curi dan penyeludupan kenderaan, di antaranya adalah seperti berikut:

1. PDRM telah melancarkan Ops Lejang secara berkala dan juga secara "*ad hoc*" dalam usaha meningkatkan kadar penyelesaian kes curi kenderaan;

2. **PDRM juga telah memperkasa dan memperkemaskan maklumat risikan yang berkaitan dengan kegiatan jenayah kes curi kenderaan;**
3. **Laporan senarai butiran kenderaan mewah yang dicuri di seluruh negara dihantar ke semua Gerakan PGA dan Tentera di sempadan Malaysia dalam tempoh masa 24 jam;**
4. **Mengadakan ceramah kepada pihak awam tentang pengawasan terhadap kenderaan mereka seperti menggalakkan pemilik kenderaan memasang alat penggera yang berkualiti tinggi, memasang kenderaan dengan kunci tambahan, menggalakkan supaya mengukir nombor pendaftaran di cermin kereta (*sand blasting*) dan meletakkan kenderaan di tempat yang mudah dilihat dan terang khususnya di waktu malam; dan**
5. **Mengadakan kerjasama di Antara PDRM dan Royal Thai Police (RTP) melalui “*Departmental Review Of Joint Malaysia-Thailand Working Committee On Criminal Activities Meeting*” melibatkan pegawai tertinggi kedua-dua pasukan.**

Pihak polis telah mencadangkan kepada pihak berwajib agar menggunakan system *e-plate* yang menggunakan teknologi mikrocip atau *Radio Frequency Identification (RFID)* bagi mengelak daripada berlakunya pemalsuan nombor pendaftaran pada semua jenis kenderaan. Cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam sebelum dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan yang dijanjikan dalam pilihan raya kecil Tanjong Datu. Senaraikan jenis projek dan kosnya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Pilihanraya Kecil Tanjung Datu, sebanyak 5 projek melibatkan peruntukan berjumlah RM129.33 juta telah diluluskan terdiri daripada projek pembangunan infrastruktur awam dan asas seperti projek bekalan air luar bandar, pendawaian elektrik, gelanggang sukan, balai raya dan dewan masyarakat.

Penyediaan peruntukan ini adalah bagi memastikan kawasan Tanjung Datu terus menikmati pembangunan yang seimbang dengan lain-lain kawasan dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.